

19 AUG 1996
LEAD Anwar-India
MALAYSIA KAJI PERMINTAAN INDIA TUBUH CAWANGAN BANK

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- India meminta Malaysia mempertimbang membenarkan bank milik negara itu beroperasi di sini.

Negara itu juga meminta Malaysia mengkaji masalah ahli-ahli perniagaan dan pelancong India yang tulin untuk memasuki negara ini.

Permintaan itu adalah antara perkara yang dibangkitkan oleh Menteri Luar India, Inder Kumar Gujral, semasa menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Setiausaha Rendah Asia Timur dan Selatan Kementerian Luar Tunku Datuk Nazihah Tunku Mohamed Rus berkata nama bank India itu tidak dinyatakan tetapi ia semestinya sebuah bank tajaan kerajaan.

"Kita akan mengkaji permintaan India," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu di pejabat Anwar di Jabatan Perdana Menteri.

Gujral, yang tiba di sini semalam untuk lawatan tiga hari, sebelum itu mengunjungi rakan sejawatannya Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Mengenai isu visa bagi ahli perniagaan dan pelancong India, Tunku Nazihah berkata peraturan dan syarat itu sebenarnya ada tetapi masalahnya mungkin dari segi pelaksanaan.

Masalah itu juga akan dikaji, katanya.

Mengenai pekerja-pekerja India, beliau berkata perkara itu tidak dibincangkan tetapi ada kemungkinan mendapatkan tenaga profesional India bagi membangunkan penyelidikan dan teknologi yang diperlukan oleh Malaysia.

"Teras pertemuan ini ialah untuk meneroka dan mencari jalan memperluaskan hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara...kita akan menggalakkan sektor swasta kita untuk melibatkan diri dalam projek-projek di India," katanya.

Gujral juga menjemput Anwar melawat India, yang diterima oleh Timbalan Perdana Menteri itu, kata Tunku Nazihah.

Beliau turut menyatakan mengenai Anugerah Jawaharlal Nehru bagi Persefahaman Antarabangsa yang dianugerahkan oleh kerajaan India kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tunku Nazihah berkata Dr Mahathir mungkin melawat New Delhi tahun ini untuk menerima anugerah itu yang lazimnya diserahkan pada 14 Nov.

Pada Jun tahun ini, juri tujuh anggota anugerah itu yang diketuai Naib Presiden India, K.R. Narayanan, berkata Dr Mahathir dipilih menerima anugerah itu kerana sumbangan cemerlang beliau dalam menggalakkan kerjasama rapat antara negara-negara membangun.

Juri berkenaan memutuskan demikian selepas membuat pertimbangan rapi terhadap calon-calon dari seluruh dunia.

Dinamakan sempena Perdana Menteri pertama India, anugerah itu berupa sebuah tropi, wang tunia 1.5 juta rupee (kira-kira RM107,000) dan ucap jasa.

Anugerah itu ditadbir oleh Majlis Hubungan Kebudayaan, Kementerian Hal Ehwal Luar India. -- BERNAMA

AZZ NAK